



## **1. PENGENALAN**

Fakulti Bahasa dan Linguistik (FBL) mengiktiraf kepentingan calon pascasiswazah membentangkan kertas kerja di persidangan dan menghadiri bengkel/*summer school* untuk meningkatkan pengetahuan asas dan mendapatkan maklum balas penting mengenai penyelidikan yang dijalankan. Sehubungan itu, Pejabat Ijazah Tinggi FBL telah mewujudkan tabung untuk membantu calon bagi menjalankan aktiviti akademik ini.

Tabung ini bertujuan untuk membantu calon:

- a. Mendapatkan maklum balas yang membina mengenai penyelidikan masing-masing.
- b. Memperoleh pengetahuan, latihan dan kepakaran lanjut dalam bidang penyelidikan masing-masing.
- c. Menyebarkan maklumat semasa dan inovatif mengenai penyelidikan.
- d. Melakar nama sebagai pakar dalam bidang penyelidikan masing-masing.
- e. Membina rangkaian dengan ahli akademik yang lain bagi kerjasama profesional dan peluang-peluang lain di masa depan.

## **2. PERBELANJAAN YANG DITANGGUNG**

- a. Kos perbelanjaan yang melibatkan persidangan, bengkel, *summer school* dan lain-lain perkara yang berkaitan peluang latihan
- b. Tajaan penuh atau sebahagian bagi perkara berikut:
  - Bayaran pendaftaran
  - Perjalanan (mod ekonomi)
  - Penginapan
  - Visa/Pas Perjalanan
  - Insuran perjalanan
- c. Jumlah tajaan:
  - *Summer school*: Maksimum RM5000

- Antarabangsa - Persidangan/bengkel/latihan: Maksimum RM3000
- Tempatan - Persidangan/bengkel/latihan: Maksimum RM1500

d. Seorang calon hanya boleh menerima pembiayaan sekali setahun.

### 3. KELAYAKAN

#### a. Kelayakan am

- Pemohon merupakan calon pasca siswazah dengan pencalonan aktif bagi sesi akademik semasa permohonan dibuat.
- Pemohon telah diterima untuk pembentangan persidangan/bengkel/*summer school*.
- Sebarang aktiviti penyelidikan perlu diadakan sebelum menerima Surat Senat.
- Persidangan/bengkel/latihan/*summer school* perlu berkaitan dengan bidang penyelidikan fakulti dan dianjurkan oleh institusi akademik atau organisasi profesional yang diiktiraf.
- Penyelidikan yang dibentangkan adalah sama dengan yang dijalankan di FBL dan merupakan sebahagian daripada program akademik pemohon.
- Penyelidikan asli dan berinovatif.
- Pemohon perlu berusaha untuk menghasilkan penerbitan selepas menghadiri persidangan.
- Permohonan perlu disokong oleh penyelia.
- Penyelia pemohon adalah pengarang/penyampai bersama kertas persidangan/pembentangan.
- Permohonan dan perbelanjaan lengkap perlu dikemukakan sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum tarikh aktiviti.
- Pemohon perlu membentangkan kertas persidangan di fakulti sebelum persidangan untuk memastikan kesediaan. Tarikh pembentangan akan dicadangkan oleh Pejabat Ijazah Tinggi.

#### b. Keperluan Khusus program:

- Program secara mod penyelidikan: pemohon telah lulus *Proposal Defence*.
- Program secara mod campuran: pemohon perlu memperoleh minimum PNGK 3.0 bagi komponen kerja kursus dan telah lulus *Proposal Defence*.
- Program secara kerja kursus: pemohon perlu memperoleh minimum PNGK 3.0

#### c. Tanggungjawab selepas persidangan/latihan/bengkel/*summer school*:

- Penerima pembiayaan menyerahkan sijil atau bukti penyertaan/penyempurnaan (pembentangan persidangan)
- Penerima menjalankan sesi perkongsian mengenai input yang diperolehi daripada aktiviti tersebut. (bengkel/latihan/*summer school*).

### 4. KRITERIA PEMILIHAN

Panel pemilihan akan memilih berdasarkan kriteria berikut:

- a. Kualiti dan potensi yang berkaitan kepentingan penyelidikan
- b. Aktiviti yang diiktiraf dalam linguistik, bahasa dan pengajian komunikasi.
- c. Potensi penerbitan
  - Artikel jurnal/ /prosiding persidangan diindeks dalam WoS/Scopus
  - Bab buku yang diterbitkan oleh penerbit antarabangsa/MAPIM/universiti yang diiktiraf
- d. Kekuatan kenyataan sokongan yang diberikan oleh penyelia
- e. Justifikasi belanjawan, termasuklah pertimbangan sama ada sumber pembiayaan lain yang sedia ada
- f. Keutamaan diberikan kepada pemohon yang belum pernah menerima pembiayaan daripada fakulti.

## 5. PROSEDUR PERMOHONAN

- a. Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen sokongan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Ijazah Tinggi **selewat-lewatnya dua (2) bulan** sebelum aktiviti penyelidikan.
- b. Dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:
  - Borang permohonan persidangan pasca siswazah dan pembiayaan latihan yang lengkap.
  - Kenyataan sokongan daripada penyelia pemohon
  - Persidangan: Abstrak dan pengesahan penerimaan
  - Bengkel/Latihan: Maklumat latihan dan pengesahan penerimaan.
  - Peruntukan beserta pecahan dan justifikasi kos terlibat.
  - Cadangan tarikh pembentangan sebelum atau selepas menghadiri persidangan dan perancangan bagi penerbitan.

## 6. PROSEDUR PEMBAYARAN

- a. Yuran boleh dibayar secara terus melalui pemindahan jurnal oleh fakulti sekiranya penganjur /penerima bayaran adalah entiti di bawah Universiti Malaya.
- b. Tuntutan bayaran lain akan dibayar balik selepas menerima bukti pembayaran dan selesai menyempurnakan aktiviti penyelidikan.